

Penyertaan untuk Pesta Silat anjuran Persisi

Tiga sebab setengah2 kumpulan diutamakan

PENCAK SILAT

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) memberikan keutamaan kepada kumpulan-kumpulan silat yang telah mengambil bahagian dalam pesta silat antarabangsa di Jakarta baru-baru ini, untuk menyertai Pesta Silat yang bakal dianjurkan oleh persekutuan itu pada Disember ini, kerana tiga sebab.

Pertama ialah kerana ia ingin memberi penghargaan kepada kumpulan-kumpulan itu yang telah memberikan sumbangan mereka sebagai wakil-wakil Singapura di pesta di Jakarta itu.

Kedua, Persisi mahu mewujudkan semacam insentif atau dorongan kepada para pesilat dan kumpulan silat lain, menerusi pemberian penghargaan ini, supaya mereka akan lebih giat lagi dalam lapangan itu.

Ketiga, ia berharap menerusi langkah ini, taraf permainan silat di sini dapat ditingkatkan.

Keutamaan yang diberikan kepada kumpulan-kumpulan silat tersebut ialah dari segi mengecualikan mereka dari perlu memasuki dua peringkat saringan pertama untuk menyertai Pesta Silat Persisi ini yang akan diadakan di peringkat kebangsaan.

Ini bererti bahawa kumpulan-kumpulan itu hanya perlu bermula dari peringkat separuh akhir untuk mengambil bahagian dalam peringkat akhir pesta tersebut yang akan diadakan pada 25 dan 26 Disember di Dewan Badminton Singapura.

Bukan mencari jaguh

Menurut Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, sebanyak tujuh kumpulan yang mewakili lima perguruan silat dari Singapura telah mengambil bahagian dalam pesta silat di Jakarta itu yang dinamakan 'Invitasi Silat-Olahraga Internasional' dari 2 hingga 10 Ogos lalu.

Encik Johari berkata demikian sebagai menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh seorang pembaca akbar ini pada 9 Oktober lalu, tentang keputusan Persisi memberikan keutamaannya kepada kumpulan-kumpulan silat tersebut dalam pesta silatnya kali ini.

Pembaca tersebut yang menamakan dirinya 'Peminiat Silat' merasa bahawa langkah ini memperkecilkan kemampuan para pesilat lain dan melihatnya sebagai satu cara yang tidak wajar bagi Persisi untuk mencari para pesilat yang jaguh dan benar-benar handal.

Encik Johari berkata: "Tujuan Persisi mengambil langkah ini bukanlah untuk memperkecilkan kemampuan para pesilat lain atau mencari jaguh silat.

"Apa yang hendak dicapai oleh Persisi ialah mewujudkan semangat kesukanan dan disiplin yang baik di kalangan semua pesilat supaya taraf permainan seni mempertahankan diri ini dapat terus ditingkatkan."

Bagaimanapun, beliau menyatakan, jika ada pesilat atau pencinta seni silat yang tidak berpuas hati dengan langkah-langkah Persisi, mereka bolehlah menyuarakan pendapat mereka kepada urusetia persekutuan itu.

16 OCT 1982

Anjur majlis
12 NOV 1982
kesyukuran

PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura akan mengadakan majlis kesyukuran untuk para jemaah haji yang mengikuti rombongan Ustaz Haji Mohd Taha Suhaimi, esok (13 November) mulai 9.00 malam di Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane.